



DOKUMEN STANDARD OPERATIONAL PROCEDURE (SOP) BAGI PERKHIDMATAN PENGUBATAN ISLAM DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

1. PENGENALAN DOKUMEN

Tujuan dokumen ini disediakan adalah sebagai panduan rasmi bagi Staf Bahagian Hal Ehwal Islam (BHEI) & Unit Hal Ehwal Islam (UHEI), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dalam usaha membantu dan menolong warga UiTM dengan menggunakan kaedah Pengubatan Islam¹. Ia merupakan usaha BHEI/ UHEI untuk mengelak kekeliruan berkenaan pengubatan Islam dalam kalangan warga UiTM.

2. MATLAMAT DOKUMEN SOP

1. Menjaga kebajikan staf BHEI/ UHEI/ *Muallij* yang memberikan khidmat pengubatan Islam secara sukarela.
2. Menghindari salah tanggap dan mengelakkan fitnah kepada staf BHEI/ UHEI/ *Muallij* ketika proses pengubatan Islam dijalankan.
3. Menjaga imej BHEI/ UHEI/ *Muallij*.

3. DEFINISI PENGUBATAN ISLAM

Satu kaedah pengubatan dengan menggunakan ayat -ayat al-Quran dan al-Sunnah yang tidak menyalahi syarak, tiada unsur-unsur syirik dan khurafat serta tidak menggunakan alat dan bahan yang menjuruskan kepada kesyirikan.²

¹ Garis panduan amalan pengubatan islam dan pebomohan islam, portal rasmi e-fatwa, 24 julai 2012 dan rujuk juga akta pengubatan islam 2013.

² Garis panduan Amalan Pengubatan Islam , September 2011, Bahagian Perubatan Traditional dan Komplementari KKM.

4. DEFINISI ISTILAH

4.1 Kaedah Pengubatan Islam (*Ruqyah*)³

Doa yang berasaskan ayat-ayat al-Quran dan al-Sunnah, yang bertepatan dengan syarak bagi tujuan pengubatan dan kesejahteraan atau kebaikan.

4.2 *Muallij* (Perawat Islam)⁴

Seorang yang mengamalkan *ruqyah* dan terlibat dengan perubatan alternatif atau komplementatif iaitu pelengkap kepada perubatan moden.

4.3 Air *Ruqyah*⁵

Air yang dibacakan ayat-ayat al-Quran dan zikir-zikir tertentu di dalam Islam.

4.4 Gangguan Makhluk Halus⁶

Satu bentuk gangguan terhadap pesakit dari segi perasaan, kesihatan dan tingkahlaku dengan gejala dan tanda yang mana puncanya tidak dapat dikesan oleh Perubatan Alopati.

4.5 Makhluk Halus⁷

Sebahagian daripada makhluk Allah SWT seperti jin dan syaitan yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar.

4.6 Histeria⁸

Satu bentuk gangguan makhluk halus yang mengakibatkan gangguan emosi dan kelakuan yang tidak dapat dikawal.

³ Op.cit. Garis panduan amalan pengubatan islam dan pebomohan islam, portal rasmi e-fatwa

⁴

<https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-hukum/umum/907-irsyad-al-fatwa-siri-ke-189-hukum-berubat-dengan-perawat-islam-dan-meminta-pertolongan-jin>

⁵ <https://maktabahalbakri.com/3945-mandi-dengan-air-ruqyah>

⁶ Op.cit.. Garis panduan amalan pengubatan islam dan pebomohan islam, portal rasmi e-fatwa

⁷ Op.cit. Garis panduan amalan pengubatan islam dan pebomohan islam, portal rasmi e-fatwa

⁸ Op.cit. Garis panduan amalan pengubatan islam dan pebomohan islam, portal rasmi e-fatwa

4.7 Sampuk⁹

Gangguan kesihatan akibat rasukan makhluk halus

4.8 Sihir/ Santau¹⁰

Satu ilmu yang menghasilkan kesan luar biasa yang tidak dapat diterangkan puncanya secara logik.

4.9 Bimbingan Spiritual¹¹

Bimbingan/ perawatan individu (kes yang dirujuk) berkaitan penyakit spiritual, emosi mahupun perilaku moral kearah *tazkiyah al-Nafs* (pembersihan jiwa) bersumberkan amalan dalam Islam berasaskan al-Quran, al-Sunnah, *Thibbun Nabawi* (kaedah perubatan Nabi SAW), amalan para *salaf al-Soleh* (Sahabat Nabi SAW dan *Tabi'in*) dan ilmu pengetahuan yang tidak bercanggah dengan prinsip Syariah.

5.0 KAEDEH RAWATAN¹²

5.1 Skop Pengubatan Islam

5.1.1 Penggunaan bacaan Doa untuk jenis penyakit:

Ayat-ayat rawatan hendaklah berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah serta doa-doa dalam bahasa yang difahami maknanya.

5.2 Kaedah rawatan

5.2.1 Kaedah yang dibenarkan:

- i. Minum
- ii. Sapu
- iii. Renjis
- iv. Tepuk

v. Kaedah lain yang tidak memudaratkan pesakit serta dilakukan secara berhikmah

5.2.2 Peralatan / bahan yang dibenarkan.

⁹ Op.cit. Garis panduan amalan pengubatan islam dan pebomohan islam, portal rasmi e-fatwa

¹⁰ Op.cit. Garis panduan amalan pengubatan islam dan pebomohan islam, portal rasmi e-fatwa

¹¹ Kertas kerja i-Bimbing, 2024

¹² Op.cit. Garis panduan amalan pengubatan islam dan pebomohan islam, portal rasmi e-fatwa

- i. Air
 - ii. Herba seperti limau, daun-daun (daun bidara, daun nangka) habbatussauda, zaitun
 - iii. Madu
 - iv. Garam Kasar
 - v. Lada hitam
 - vi. Bahan yang suci dan halal menurut syarak
- 5.3 Temubual
- 5.4 Khidmat Bimbingan Nasihat Individu (spiritual) dan Nasihat Agama

6.0 ETIKA PENGUBATAN¹³

6.1 Sebelum Merawat

- Memastikan pesakit dirawat di ruang yang bersesuaian iaitu *muallij* perlu mempunyai premis khas untuk menjalankan rawatan.
- Memohon izin daripada pesakit sebelum menjalankan rawatan.
- Memohon izin daripada waris atau penjaga untuk merawat pesakit sekiranya berlainan jantina atau pesakit tidak mampu dari segi mental atau di bawah umur (kurang daripada 18 tahun).
- Memastikan waris pesakit berada bersama *muallij* dan pesakit sekiranya pesakit dan pengamal berlainan jantina.
- Tidak dibenarkan menentukan dan mengumumkan makhluk halus atau benda ghaib yang mempengaruhi kesihatan pesakit.
- Tidak dibenarkan mendakwa mendapat ilmu daripada mimpi.
- Merekodkan daftar pesakit.
- Memastikan pesakit dan juga pengamal mengenakan pakaian yang menutup aurat.

¹³ Op.cit. Garis panduan amalan pengubatan islam dan pebomohan islam, portal rasmi e-fatwa

6.2 Semasa Merawat

- Memulakan sesi rawatan dengan bacaan doa atau ayat-ayat al-Quran yang jelas, serta mengikut tertib.
- Memastikan jenis penyakit yang hendak dirawat adalah berkaitan spiritual.
- *Muallij* perlu berkomunikasi dengan berkesan semasa sesi rawatan.
- Tidak dibenarkan menggunakan kaedah pengubatan yang dilarang dalam Islam.
- Perlu sentiasa memelihara aurat pesakit semasa sesi rawatan.
- Tidak dibenarkan mengambil atau merakam gambar menggunakan peralatan audio visual semasa sesi rawatan dijalankan kecuali dengan kebenaran pesakit.

6.3 Selepas Merawat

- *Muallij* tidak dibenarkan mengenakan bayaran atau imbuhan untuk perkhidmatan yang diberikan.
- Maklumat pesakit adalah dirahsiakan.
- Pesakit hendaklah berhubung dengan pihak jawatankuasa *Muallij* sekiranya memerlukan rawatan susulan.

7.0 SKOP TUGAS MUALLIJ

- 7.1 Proses rawatan yang dijalankan tidak menjelaskan tugas hakiki.
- 7.2 *Muallij* (staf UiTM) perlu mendapatkan kebenaran Ketua Jabatan terlebih dahulu sebelum melaksanakan proses rawatan.
- 7.3 Semua maklumat pesakit adalah sulit
- 7.4 Maklumat pesakit hendaklah direkod dan disimpan di tempat yang selamat.

8.0 PREMIS RAWATAN

- 8.1 Premis rawatan perlulah dalam keadaan bersih.
- 8.2 Mempunyai pencahayaan dan pengudaraan yang mencukupi.
- 8.3 Rawatan perlu dijalankan di ruang yang selesa, sesuai dan dapat menghindari fitnah.

9.0 DOKUMEN

- 9.1 Rekod pesakit adalah rahsia. *Muallij* tidak boleh mendedahkan rekod pesakit tanpa mendapat kebenaran daripada pesakit terlebih dahulu.
- 9.2 Borang kebenaran melaksanakan pengubatan kerohanian dan spiritual perlu diisi sebelum memulakan rawatan.

RUJUKAN

1. al-Quran dan al-Sunnah.
2. Budaya Kerja Perdana.
3. Garis Panduan Amalan Pengubatan Islam Dan Pebomohan Islam, Portal Rasmi e-Fatwa, 24 Julai 2012 Dan Rujuk Juga Akta Pengubatan Islam 2013.
4. Garis panduan Amalan Pengubatan Islam, September 2011, Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari KKM.
5. Irsyad Hukum Siri Ke-189 : Hukum Berubat Dengan Perawat Islam Dan Meminta Pertolongan Jin.
6. Maktabah Al Bakri #3945: Mandi dengan Air Ruqyah.

